



Tatabahasa

AKTIVITI



1. Baca dan senaraikan kata adjektif warna, bentuk, dan waktu berdasarkan bahan.
2. Bina ayat daripada kata adjektif tersebut dengan betul mengikut konteks yang sesuai.

Pahit tetapi Penawar

Pada kebiasaannya, kita akan ke farmasi untuk mendapatkan ubat apabila kita demam atau mengalami sakit ringan seperti pening, selesema, dan batuk. Ubat-ubatan ini dijual dalam pelbagai bentuk, warna, dan saiz. Ada saiz yang besar dan ada pula yang kecil.

Terdapat pil yang berbentuk bujur, bulat, lonjong, leper, dan ada juga yang berbentuk segi empat. Pil-pil ini juga terdapat dalam pelbagai warna seperti putih, kuning, merah jambu, hitam, biru, hijau, dan bermacam-macam lagi.

Selain itu, ubat-ubatan ini juga berbeza mengikut waktu pengambilannya. Ada yang perlu dimakan pada awal pagi, tengah hari, petang, atau sebelum tidur pada waktu malam.

Ubat perlu diambil sebelum atau selepas waktu makan seperti yang disarankan oleh pegawai perubatan mengikut arahan preskripsi yang tertera pada label ubat.

KATA ADJEKTIF

Kata adjektif atau kata sifat ialah perkataan yang boleh menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Kata adjektif boleh dibahagikan kepada sembilan kelompok, iaitu sifat atau keadaan, warna, ukuran, bentuk, waktu, jarak, cara, perasaan, dan pancaindera.

Contoh:

Kata adjektif warna – perang, biru, kelabu, hijau

Kata adjektif bentuk – leper, bengkok, bulat, lonjong

Kata adjektif perasaan – sayang, suka, benci, gembira

Kata adjektif waktu – lewat, cepat, baru, awal


Kata adjektif sifat atau keadaan – baik, lemah, sihat, takut

Kata adjektif ukuran – kecil, besar, nipis, tebal

Kata adjektif jarak – jauh, dekat, hampir, rapat

Kata adjektif cara – laju, deras, jelas, sering

Kata adjektif pancaindera – lazat, lemak, pahit, manis



PERKASA ILMU

Paracetamol ialah sejenis ubat untuk melegakan kesakitan dan mengurangkan demam. Paracetamol juga dapat melegakan sakit yang ringan hingga yang sederhana seperti sakit kepala, sakit otot, selesema, sakit tekak, sakit gigi, dan sakit belakang.

(Sumber: malaysianpharma.com)



5.1.2

11

KATA ADJEKTIF

Senaraikan kata adjektif warna, bentuk dan waktu yang terdapat dalam petikan di atas.

Kata adjektif warna	Kata adjektif bentuk	Kata adjektif waktu
1.	1.	1.
2.	2.	2.
3.	3.	3.
4.	4.	4.
5.	5.	
6.		